

09 MAR 2003

Syed Razak-Langkawi

KENYATAAN PM LANGKAWI SEBAGAI IBU NEGERI HANYA GURAUAN - SYED RAZAK

ALOR STAR, 9 Mac (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain hari ini meminta semua pihak tidak lagi memperbesar-besarkan isu Langkawi dijadikan pusat pentadbiran negeri kerana kenyataan Perdana Menteri itu adalah gurauan semata-mata.

Beliau berkata kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mencadangkan Langkawi dijadikan ibu negeri Kedah adalah secara spontan dan tidak bermaksud secara serius.

"Beliau (Dr Mahathir) pun telah menyatakan pada saya, kenyataan tersebut hanyalah dalam nada gurauan, tetapi beliau memang berhak untuk mengemukakan pandangan dan cadangan seperti itu," katanya kepada pemberita di sini.

Dr Mahathir ketika merasmikan upacara pecah tanah fasa dua Underwater World Langkawi di Pantai Cenang pada 1 Mac, dalam ucapannya mencadangkan kerajaan negeri menjadikan Langkawi sebagai pusat pentadbirannya.

Syed Razak berkata ramai yang salah tafsir kenyataan Perdana Menteri itu sehingga membandingkan bandar Alor Star tidak membangun berbanding Langkawi.

Beliau berkata Alor Star akan terus menjadi ibu negeri Kedah yang maju dan membangun seperti yang telah dirancang dalam Pelan Tindakan Kedah Maju 2010.

"Semua projek-projek mega di sekitar Alor Star seperti yang telah dirancangan berjalan dengan baik, ada di antaranya hampir siap," katanya.

Katanya, Alor Star yang sedang dalam proses untuk mencapai status bandaraya, bakal mempunyai hospital terbesar di negara ini manakala Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim yang sedang diperbesarkan akan bertaraf antarabangsa.

-- BERNAMA

MNH RHM